

# UMS bakal jadi pusat ilmu cemerlang

BH  
29/11/95

Oleh Seri Intan Othman

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal menjadi mercu tanda baru bidang pendidikan di negeri ini apabila kampus induknya siap sepenuhnya menjelang 1998.

Ia dibina di tapak seluas 363 hektar di Teluk Likas dan upacara pecah tanah dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena lawatannya ke Sabah semalam.

UMS merancang mendidik 20,000 pelajar menjelang 2015 iaitu memuatkan 60 peratus pelajar kursus sains dan teknologi manakala selebihnya pengajian pengurusan ekonomi dan sastera guna.

Menurut Naib Canselor UMS, Datuk Prof Abu Hassan Othman, daripada jumlah berkenaan 30 peratus adalah pelajar ijazah lanjutan termasuk sarjana dan kedoktoran.

UMS mula ditubuhkan 24 November tahun lalu. Pengambilan pelajar pertama dibuat Julai lalu dengan 207 pelajar di kampus sementara di Kolej Komuniti Yayasan Sabah di Likas.

Seramai 24 daripada 207 pelajar mengikut kursus ijazah lanjutan iaitu 19 sarjana manakala lima di peringkat



ABU HASSAN  
...peralatan termoden

ijazah kedoktoran. Ketika ini ada tiga sekolah iaitu, Sekolah Sains dan Teknologi, Sains Sosial, Perniagaan dan Ekonomi.

UMS juga memuatkan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Matrikulasi dan Unit Penyelidikan dengan 63 tenaga kerja termasuk 24 pengajar akademik dan 13 lagi di

bidang pentadbiran.

Bagi Sekolah Sains dan Teknologi lima program ditawarkan iaitu Sains dan Pendidikan, Biologi Pemeliharaan, Geologi, Sains Sektaran dan Matematik Ekonomi.

Tiga kursus pula ditawarkan bagi Sekolah Sains Sosial iaitu Perhubungan Industri, Psikologi Industri dan Organisasi serta Komunikasi.

Sementara itu bagi Sekolah Perniagaan dan Ekonomi juga menawarkan tiga kursus iaitu Perniagaan Antarabangsa, Keusahawanan serta Ekonomi Pembangunan dan Perancangan.

Bagi Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa lima gugusan ilmu ditawarkan iaitu Pemikiran Kritis dan Falsafah, Warisan Budaya dan Pembentukan Etos Malaysia, Keterampilan Asas Kerjaya, Kemahiran Bahasa dan Hal Ehwal Malaysia dan Dunia Antarabangsa.

Pusat Matrikulasi UMS bercadang menempatkan 300 pelajar bagi pengambilan pelajarannya tahun depan. Mereka ditempatkan di Maktab Rendah Sains Kulim, Sekolah Menengah Sains Muar dan di UKM kampus Sabah. UMS mengamalkan falsafah pendidikan berteraskan

prinsip kepercayaan kepada Tuhan dan pembinaan masyarakat terpelajar yang berdisiplin, progresif, bersepadu dan seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohani untuk berbakti mencapai kesejahteraan masyarakat dan negara.

Misi utamanya ialah bertekad mencapai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu ke arah kemasyhuran di peringkat antara bangsa menerusi pembangunan kurikulum, pengajaran, penyelidikan dan penerbitan, khidmat masyarakat serta keseimbangan pengkhususan ilmu dan keberibadian pelajarnya untuk menghasilkan produktivi dan kualiti yang tinggi dalam konteks persekitaran dan aspirasi pembangunan masyarakat dan negara.

Bagi memenuhi misi itu 10 objektif digariskan iaitu:

- Mencapai kecemerlangan keserjanaan akademik bertaraf antara bangsa dalam program berbilang disiplin iaitu sains, teknologi, kejuruteraan, perniagaan, ekonomi, politik dan sains sosial;
- Meneroka, memelihara dan memanfaatkan ilmu dengan berkesan untuk pembangunan masyarakat dan negara yang selaras dengan etos

universiti dan negara;

• Mempertahankan kebebasan akademik dan mengemukakan kerapian intelektual di kalangan komuniti universiti;

• Mengeluarkan graduan khususnya tetapi seimbang, berketerampilan, bertakwa dan patriotik;

• Mengadakan program pengajian dan penyelidikan yang berkualiti serta berkaitan dengan masyarakat dan membangunkan harta intelek dan inovasi;

• Membangunkan pelbagai projek komersil universiti yang berdaya maju dan menjana kewangan;

• Menjalinakan hubungan kerjasama yang rapat lagi berguna di antara UMS dengan industri, kerajaan, badan profesional dan masyarakat;

• Memupuk dan menerapkan nilai insan yang berlandaskan nilai murni sejagat;

• Menyumbang kepakaran bagi pembangunan masyarakat dan negara;

• Meningkatkan martabat dan prestij universiti sebagai institusi unggul, progresif dan terkemuka.

Mengenai kampus baru yang akan dibina itu, Abu Hassan berkata, sebanyak 40 peratus daripada kawasan itu akan digunakan bagi membina bangunan akademik, pentadbiran, dewan kuliah, perpustakaan, asrama pelajar dan kompleks sukan.

Ia juga akan memuatkan masjid, rumah universiti, dewan besar, taman teknologi dan pusat penyelidikan dan pembangunan.

Manakala 60 peratus daripada tanah dijadikan taman warisan yang dilengkapi flora dan fauna.

Menurutnya, perpustakaan berkenaan akan dilengkapi peralatan termoden termasuk komputer dan Internet bagi mendapatkan maklumat terkini dunia.

Menurut Abu Hassan, UMS diharapkan akan menjadi sebuah universiti yang cemerlang dengan membuka peluang besar kepada rakyat Sabah menimba ilmu di peringkat tertinggi.



GEDUNG ILMU... bangunan asrama sementara Universiti Malaysia Sabah. - Gambar Datu Ruslan Sulai